

**TEKS UCAPAN**  
**“MALAM PENGHARGAAN**  
**MINGGU SUAI MESRA SESI 2010/2011”**  
**YANG BERBAHAGIA**  
**BRIG. JEN.PROF. DATUK SERI PANGLIMA DR. KAMARUZAMAN**  
**BIN HJ. AMPON**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Bismilahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera, Salam 1Malaysia

Pegawai-Pegawai Utama Universiti Malaysia Sabah

Pegawai-pegawai Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Barisan Kepimpinan Persatuan Mahasiswa UMS

Siswa Siswi Universiti Malaysia Sabah

Tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin sekalian.

Terlebih dahulu marilah kita merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah berkat dan keizinan daripada-Nya, dapatlah kita bersama-sama di Malam Penghargaan Minggu Suai Mesra yang diadakan buat julung-julung kalinya ini. Syabas dan tahniah kepada semua ahli Pembimbang Suai Mesra serta barisan pegawai yang telah bertekad dalam menjayakan Minggu Suai Mesra yang diadakan pada Julai yang lalu.

Para hadirin sekalian,

Minggu Suai Mesra merupakan suatu proses transisi yang dialami oleh pelajar-pelajar baharu Universiti Malaysia Sabah. Sepanjang minggu tersebut para pelajar

diperkenalkan dengan barisan Pegawai Utama Universiti, Ahli-Ahli Senat Universiti, serta barisan kepimpinan pelajar Universiti Malaysia Sabah. Selain itu, para pelajar baharu turut diperkenalkan dengan gaya hidup di universiti ini. Disiplin diri termasuk pemakaian pakaian yang sopan disamping penekanan terhadap pengurusan masa diterapkan kepada para pelajar yang baharu memulakan kehidupan sebagai warga UMS. Dari sudut disiplin inilah para Pembimbing Suai Mesra ataupun PSM memainkan peranan yang cukup penting.

Hal ini adalah kerana, para PSM merupakan benteng utama atau imej pertama yang menjadi model kepada para pelajar baharu serta ibu bapa. Imej pertama atau *first impression* amatlah penting dalam meyakinkan para pelajar serta ibubapa bahawa UMS adalah universiti yang tepat untuk mereka. Barisan PSM diletakkan di lapangan-lapangan terbang dan di terminal-terminal bagi menyambut para pelajar baharu dengan senyuman walaupun jam pada ketika itu sudah menunjukkan jam 12 tengah malam. Barisan PSM yang dihadapan saya inilah yang telah berpanas terik, berhujan kesejukan dalam membantu melancarkan Minggu Suai Mesra.

Sehubungan itu, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada semua jentera-jentera MSM, baik kepada jawatankuasa induk maupun pelajar. Tanpa keazaman serta komitmen anda semua, MSM tersebut tidak dapat diadakan dengan jayanya. Dengan adanya barisan PSM seperti inilah, kita dapat terus memastikan kesinambungan kecemerlangan mahasiswa-mahasiswi UMS.

Saya difahamkan sebelum MSM berlangsung, Minggu Induksi Pembimbing Suai Mesra telah diadakan oleh Exco Kepimpinan dan Latihan Majlis Perwakilan Pelajar dengan kerjasama Unit Latihan Hal Ehwal Pelajar bagi memberi pendedahan dan latihan kepimpinan kepada setiap Pembimbing Suai Mesra. Pada malam ini, saya melihat barisan PSM yang berada dihadapan saya inilah yang bakal meneruskan nadi kepimpinan Persatuan Mahasiswa Universiti Malaysia kelak. Anda telah memberikan sumbang bakti kepada universiti bila mana anda telah mengorbankan cuti semester anda selama 2 minggu bagi menyambut ‘adik-adik’ baharu. Tahniah sekali lagi saya ucapkan.

Hadiri sekalian,

Secara rasminya, malam ini merupakan penamat kepada sesi MSM yang lalu. Lembaran baharu akan dibuka dengan barisan jentera MSM yang baharu. Kepada mereka di sini yang masih meneruskan pengajian di UMS, saya mengalu-alukan anda untuk terus mengikuti MSM pada sesi akan datang. Penglibatan anda merupakan satu penghormatan kepada ‘adik-adik’ baharu yang bakal mendaftar pada bulan Julai tahun hadapan. Mudah-mudahan anda, sebagai ahli Pembimbing Suai Mesra, menjadi contoh, atau pemangkin kepada pelajar yang lain untuk terus berusaha dan cemerlang dalam bidang pembangunan kemahiran insaniah mahupun aktiviti kemahasiswaan di masa akan datang.

Para hadirin sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh jawatankuasa Minggu Suai Mesra kerana telah berjaya menganjurkan Minggu Suai Mesra Sesi 2010/2011 dengan jayanya. Saya sesungguhnya akan sentiasa menyokong penuh penglibatan siswa-siswi dalam program-program yang mampu memberi impak terhadap pembangunan pelajar di universiti ini. Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan ini merasmikan Malam Penghargaan Minggu Suai Mesra Sesi 2010/2011.

Sekian terima kasih. Wassalam.